

Terima 1,700 tan metrik makanan

Disumbangkan orang ramai untuk Food Bank Malaysia sejak diperkenalkan pada Ogos 2018

ARAU

Lebih 1,700 tan metrik makanan pelbagai jenis disumbangkan orang ramai untuk program Food Bank Malaysia sejak ia mula diperkenalkan pada Ogos tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negerian dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, daripada jumlah itu seramai 311,189 ahli isi rumah berpendapatan rendah (B40) di seluruh negara telah memperoleh manfaat daripada program berkenaan.

Menurutnya, program itu akan difaksankan secara berturusan bagi meringankan beban keluarga B40, selain menguruskan lebihan makanan yang berlaku di Malaysia dengan matlamat zero



Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (dua dari kanan) mendengar taklimat mengenai alat penimbang oleh Saifuddin pada Program Food Bank@UniMAP 2019 di Kampus UniMAP Pauh Putra, Arau semalam. Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil (kanan).

waste seperti dijalankan di lebih 65 negara, antaranya Jepun, Korea Selatan dan Indonesia.

"Susulan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 15 Februari lalu, kerajaan memutuskan untuk

memperluaskan program ini yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) di 20 institusi pengajian tinggi sebagai program Food Bank Siswa.

"Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ialah universiti awam ke-16 menyediakan program Food Bank Siswa. Seramai 150 penuntut dikenal pasti pihak universiti yang akan memperoleh manfaat daripada program ini.

"Selain universiti awam, Food Bank Siswa akan diperkerjalkan ke seluruh politeknik, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) mulai tahun hadapan," katanya selepas pelancaran Food Bank Siswa UniMAP di sini semalam.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat merasmikan pelancaran itu. Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Food Bank Siswa diperkenalkan melalui dua kaedah iaitu *Food Pantry* iaitu penyimpanan barang kering di bilik khas dan siswa yang layak akan menerima agihan makanan mengikut jadual yang ditetapkan dan *Central Kitchen* berupa sumbangan makanan yang boleh dimasak seperti sayur-sayuran.

Berdasarkan rekod sehingga Julai lalu, seramai 4,820 penuntut miskin di universiti awam di seluruh negara memperoleh manfaat daripada program berkenaan. - Bernama